

29 JUN 2000

Bakti

BAKTI RAI KANAK-KANAK ISTIMEWA, KURANG BERNASIB BAIK

PUTRAJAYA, 29 Jun (Bernama) -- Sebanyak 250 kanak-kanak istimewa, anak-anak yatim dan kurang bernasib baik hari ini diraikan oleh Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri dan timbalan Menteri (Bakti) di kediaman rasmi Perdana Menteri di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menghadiri dan menyerikan majlis Hari Kanak-kanak Bakti itu yang diisi dengan persembahan hiburan dan jamuan makan.

Kanak-kanak itu dihiburkan dengan persembahan kumpulan lawak jenaka "Senario" dan pertunjukan silap mata. Anggota kumpulan Golden Kids Club turut mengendalikan majlis persembahan.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang juga Yang Dipertua Bakti dalam ucapannya berkata, badan itu membelanjakan RM4 juta pada tahun kewangan 1999/2000 untuk program kebajikan di samping memberi dermasiswa kepada anak-anak miskin dan bantuan kepada mangsa kebakaran dan bencana alam.

"Kita boleh berbangga kerana sedikit sebanyak telah dapat mengubah hidup sebahagian daripada mereka yang telah kita bantu. Ada anak yatim dan pelajar miskin yang menerima bantuan dermasiswa Bakti telah berjaya melanjutkan pendidikan mereka ke kolej dan universiti," katanya.

Sebilangan besar orang cacat dan sakit telah juga menerima bantuan rawatan dan peralatan khas daripada Bakti.

Hari Kanak-kanak Bakti adalah satu kegiatan utama yang dilaksanakan setiap tahun.

"Di majlis ini kita berkongsi kegembiraan dengan kanak-kanak sebagai menunjukkan keprihatinan kita terhadap kebajikan dan apa yang berlaku kepada mereka," kata Siti Hasmah.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah kemudian menyampaikan hadiah-hadiah berupa beg sekolah, alat tulis dan mainan kepada semua kanak-kanak yang diraikan itu.

-- BERNAMA

AFY MAI